



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN DAYA GUNA AWAM

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM**

**KERAJAAN LULUS 22 PROJEK TENAGA BOLEH BAHARU
DI BAWAH MEKANISME TARIF GALAKAN MENYOKONG
ASPIRASI PERALIHAN TENAGA**

Putrajaya, 18 Januari 2024 - Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah meluluskan pembangunan bagi pelaksanaan 22 projek Tenaga Boleh Baharu (TBB) daripada sumber biogas dan biojisim berjumlah 36.534MW, di bawah mekanisme Tarif Galakan atau *Feed-in Tariff* (FiT) yang akan membekalkan tenaga elektrik hijau kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) seawal tahun 2027.

Dalam menyokong aspirasi peralihan tenaga negara untuk mencapai 70% campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik menjelang tahun 2050, Kerajaan telah mengumumkan penawaran dan pembukaan permohonan kelulusan tarif galakan secara *e-bidding* bagi tiga sumber TBB iaitu biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil mulai 5 hingga 26 Julai 2023. Hasilnya, sebanyak 34 permohonan telah diterima.

Penilaian teknikal dan kewangan telah dilakukan oleh SEDA Malaysia terhadap kesemua permohonan yang telah dikemukakan dan sebanyak 22 permohonan yang memenuhi kriteria teknikal dan kewangan telah diluluskan, iaitu merangkumi 21 projek dengan jumlah kuota 29.534MW

untuk penjaan tenaga elektrik hijau daripada sumber biogas dan 1 projek dengan jumlah kuota 7.0MW untuk penjaan tenaga elektrik daripada sumber biojisim.

Kelulusan pelaksanaan projek TBB baharu di bawah mekanisme tarif galakan ini akan mempelbagaikan sumber penjaan TBB selain sumber solar dan seterusnya meningkatkan lagi daya harap pembekalan elektrik negara. Pada masa yang sama, pembangunan projek-projek TBB yang diluluskan ini turut dijangka akan berupaya mewujudkan nilai pelaburan baharu dalam industri TBB sehingga RM372 juta .

Maklumat lanjut mengenai keputusan *e-bidding* tahun 2023 di bawah mekanisme tarif galakan yang dikendalikan SEDA Malaysia ini boleh diperolehi melalui laman sesawang SEDA Malaysia di pautan www.seda.gov.my.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM
18 JANUARI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763